

Keaslian hutan rimba perlu dikekalkan: Awang Tengah

LAWAS: Kerajaan sentiasa memastikan arus pembangunan seimbang dengan usaha pemuliharaan alam sekitar di negeri ini. Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, usaha pemuliharaan dan pengekalan keaslian rimba dan hutan perlu dilaksanakan untuk tatapan generasi akan datang.

Beliau yang Menteri Kemudahan Awam dan Pembangunan Perindustrian berkata kini menjadi cabaran kerajaan untuk terus mengekalkan keaslian hutan kerana kita masih lagi diliputi hutan dan tiada negeri atau negara yang mampu mencapai tahap itu.

"Walaupun ada negara barat yang sering mempertikaikan dasar perhutanan yang kita amalkan, namun kita tetap memelihara dengan sebaik-baiknya," kata beliau berucap semasa merasmikan Jambatan Gantung Sungai Adang, di sini kelmarin.

Jambatan Gantung Sungai Adang menghubungkan 11 perkampungan komuniti Penan di sekitar kawasan Sungai Adang dibina dengan kos RM180,000. Jambatan itu adalah hasil inisiatif Jabatan Hutan Sarawak dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu International Tropical Timber Organisation dan Syarikat Samling Timber Sdn Bhd, dibina sepanjang 77 meter yang hanya mengambil masa 35 hari untuk disiapkan.

Terdahulu, Timbalan Pengarah Jabatan Hutan Sarawak Sapuan Ahmad berkata, adalah diharapkan dengan pembinaan jambatan itu akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar. Beliau berkata jambatan itu bukan sahaja memudahkan mereka menyeberangi sungai, malah turut membantu menjana pendapatan keluarga dan membawa hasil-hasil pertanian dan khazanah hutan ke pekan-pekan berdekatan.

"Selain itu, ia juga membolehkan mereka mendapat bekalan makanan daripada kem-kem mahupun kedai-kedai yang berdekatan dan yang paling penting membolehkan anak-anak mereka pergi ke sekolah dengan mudah tanpa menyeberangi arus sungai yang deras," katanya.

Pada majlis itu, seramai 23 kakitangan Jabatan Hutan turut menerima sijil penghargaan. Hadir sama Ahli Parlimen Bukit Mas Datuk Henry Sum Agong.

Sumber : Utusan Borneo / 13.02.2012 (Isnin)